



SIARAN AKHBAR – PEMBUKAAN TAHUN UNDANG-UNDANG 2024

1. Majlis Pembukaan Tahun Undang-Undang telah berlangsung di Mahkamah Besar pada 1 Februari 2024 bersamaan dengan 20 Rejab 1445. Acara tahunan ini mengumpulkan ahli-ahli Kehakiman dan profesi undang-undang bagi menandakan bermulanya tahun undang-undang mahkamah. Majlis dimulakan dengan Perbarisan Kawalan Kehormatan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei yang telah diperiksa oleh Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong.
2. Tradisi Pembukaan Tahun Undang-Undang menggariskan peranan utama Kehakiman dalam pentadbiran keadilan. Ia juga memfokuskan perhatian pada masyarakat undang-undang dengan ucapan yang disampaikan oleh Yang Amat Arif Ketua Hakim, diikuti dengan ucapan dari Peguam Negara Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Ahmad bin Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa dan Yang Di-Pertua Persatuan Undang-Undang, Puan Nur' Azizah binti Dato Seri Paduka Haji Ahmad, bagi mewakili peguambela dan peguamcara di Negara Brunei Darussalam.
3. Dalam ucapan tahunannya, Ketua Hakim Negara menekankan kepentingan sistem keadilan yang berfungsi dengan sempurna untuk masyarakat, bukan sahaja dari segi pertumbuhan ekonomi tetapi juga bagi masyarakat secara keseluruhannya. Ketua Hakim Negara menyatakan bahawa "sistem keadilan yang berfungsi dengan baik adalah sistem yang membantu individu dan keluarga untuk terus beredara dan membina masa depan yang positif, ianya termasuk sistem keadilan jenayah yang menghalang orang daripada melakukan jenayah dan merupakan sistem yang membantu perniagaan bergerak ke hadapan dan berfungsi dengan lebih stabil serta pasti dalam menangani pertikaian mereka."
4. Ketua Hakim Negara meneruskan dengan menarik perhatian mengenai perkembangan utama dalam tahun yang lepas, yang termasuk pelantikan Yang Arif Sir Peter Gross sebagai Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar bagi Mahkamah Rayuan pada Oktober 2023. Beliau menghuraikan pengalaman Sir Peter Gross sebagai seorang hakim komersial antarabangsa terkemuka dengan kerjaya undang-undang merangkumi lebih dari 40 tahun dan bagaimana pelantikan beliau akan "memperkuatkkan keupayaan Kehakiman."
5. Beliau meneruskan dengan memberitahu tentang penglibatan antarabangsa berterusan Mahkamah dengan mahkamah asing. Khususnya, pembentukan kerjasama kehakiman melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman dengan Jabatan Kehakiman Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong Republik China pada Mei 2023 dan Memorandum Persefahaman dengan Mahkamah Tinggi Singapura pada Julai 2023. Ketua Hakim Negara menyatakan bahawa kedua-dua perjanjian itu menyediakan rangkakerja institusi untuk "mengeratkan perhubungan, kolaborasi dan kerjasama dalam isu-isu yang berhubung dengan pengelakkan dan penyelesaikan pertikaian."
6. Ketua Hakim Negara melaporkan statistik pada tahun lalu, di mana beliau menekankan bahawa "bagi tempoh 12 bulan yang berakhir pada Disember 2023, kadar pelupusan kes-kes jenayah di mahkamah Majistret adalah didalam kadar 80% manakala pelupusan kes-kes sivil adalah dikadar 83%. Ianya adalah peningkatan daripada kadar tahun sebelumnya yang mana masing-masing adalah dikadar 77%

dan 63%.” Beliau juga menambah bahawa dari segi masa yang diambil untuk untuk penyampaian penghakiman di Mahkamah Majistret, kadar 91.8% penghakiman bagi kes-kes jenayah dan 80% penghakiman bagi kes-kes sivil telah disampaikan diantara 1 hingga 3 bulan selepas penutupan penyerahan.

7. Yang Amat Arif Ketua Hakim telah menekankan bahawa “jumlah kes sivil dan komersial yang difaiklan di Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Perantaraan dan Mahkamah Majistret terus menunjukkan trend menaik sejak tahun 2022 selepas wabak COVID-19”. Beliau menambah bahawa Pejabat Pendaftaran Waris juga mengalami tahun yang sibuk dan produktif dengan peningkatan ketara dalam jumlah permohonan yang diterima dan diluluskan untuk Surat Kuasa Mentadbir dan bahawa “bilangan perintah penerimaan dan perintah penghakiman yang difaiklan terus meningkat” untuk kebankrapan. Sementara itu, jumlah permohonan untuk pendaftaran perkahwinan dan petisyen perceraian sivil telah menurun dan bahawa “jumlah kes jenayah (tidak masuk kes lalu lintas) yang difaiklan di Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan juga menunjukkan penurunan pada tahun 2023.
8. Isu-isu yang berhubung dengan profesi undang-undang juga telah dinyatakan oleh Ketua Hakim di mana beliau menerangkan kesukaran yang dihadapi bagi mendapatkan pengamal undang-undang untuk mengambil tugas bantuan guaman bagi kes-kes jenayah besar. Yang Amat Arif menyeru pada pengenalan satu “Skim Perkembangan Profesional Lanjutan Mandatori (CPD)” yang bertujuan untuk menginsentifkan program-program bantuan guaman dan sementara itu menggalakkan pengamal perundungan untuk “mencapai nilai kecekapan pada tahap yang berbeza dalam amalan undang-undang mereka demi mengekalkan taraf tinggi profesional mereka.” Beliau menyeru pada “perlunya mengadakan tadbir aturan berhubung dengan yuran dan tugas profesional untuk memberi maklumat kepada pelanggan tentangnya”. Beliau menyeru pada penggubalan peraturan mengenai perkhidmatan profesional yang lengkap demi untuk menetapkan piawaian pemedulian pelanggan agar peguam bersikap adil dan telus apabila menetapkan harga kos pada pelanggan untuk tugasannya.
9. Majlis Pembukaan Tahun Undang-Undang telah dihadiri oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato Seri Paduka Haji Sufian bin Haji Sabtu, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang dan Dato Seri Paduka Awang Mohd Riza bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam).
10. Majlis juga dihadiri Yang Amat Arif Ketua Hakim Syarie’, Duta-Duta luar negeri dan Suruhanjaya-Suruhanjaya Tinggi, Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan, Pegawai Kehakiman dari Mahkamah Sivil dan Syariah, Pejabat Peguam Negara, Persatuan Undang-Undang, dan pegawai dan kakitangan dari berbagai agensi penguatkuasa kerajaan.

MAHKAMAH BESAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KHAMIS 1 FEBRUARI 2024